

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMP 402 Aspek-Aspek Teori Linguistik Am
dan Penerapannya

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Jawab EMPAT [4] soalan, SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan TIGA [3] soalan daripada Bahagian B.
- Tulis Bahagian dan Nombor Soalan secara berurutan (yang dijawab sahaja) pada muka surat hadapan kertas jawapan.
- Tulisan mestilah mudah dibaca (tulisan yang sukar dibaca akan mengurangi markah peperiksaan).
- Semua jawapan mestilah analitikal, ringkas, tepat, jelas dengan menggunakan Bahasa Melayu Tinggi. Pengabaian syarat ini akan mempengaruhi markah keseluruhan.

BAHAGIAN A - Soalan ini WAJIB dijawab

1. Kemukakan pendapat anda tentang manfaat yang diperolehi mempelajari Aspek Teori Linguistik (yang kebanyakannya teori linguistik bahasa asing), di dalam penerapannya pada bahasa Melayu.

(40 markah)

BAHAGIAN B - Jawab TIGA [3] soalan

2. Berikan hujah yang kukuh bahawa Linguistik Bahasa Sanskrit tidak dipengaruhi oleh Linguistik Bahasa Yunani.

(20 markah)

.../2

3. Di dalam Teori Linguistik Tradisional terdapat dua golongan ahli bahasa iaitu: Golongan Analogi dan Golongan Anomali. Bincangkan.

(20 markah)

4. Huraikan apakah yang berlaku di dalam dunia linguistik pada Zaman Renaissance.

(20 markah)

5. Ferdinand de Saussure berpendapat bahawa kajian bahasa yang baik mestilah berdasarkan bahasa yang diujarkan oleh penutur bahasa tersebut. Sama ada anda setuju atau tidak, sila kemukakan pendapat anda.

(20 markah)

6. Leonard Bloomfield mengatakan bahawa di dalam menganalisis bahasa perlulah bersifat deskriptif ilmiah. Sila kemukakan cara dan contoh yang sesuai di dalam menganalisis bahasa Melayu.

(20 markah)

7. Asmah Hj. Omar di dalam bukunya Nahu Melayu Mutakhir (edisi keempat, 1993) mendakwa bahawa buku tersebut memberi keutamaan pada Nahu Sistem. Nyatakan ciri Nahu Sistem yang terdapat pada buku tersebut.

(20 markah)

8. Buku Tatabahasa Dewan Jilid 1: Ayat dan Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan oleh Nik Safiah Karim et al., merupakan nahu yang menggunakan Pendekatan Eklektik. Perlihatkan kekuatan dan kelemahan buku tersebut secara am.

(20 markah)